

Lagi suspek bunuh Adun direman

Dua lelaki dipercayai dapat membantu siasatan ditahan dalam Ops Api di Melaka

SH 21/6/08 M/S 17

Oleh Mohd Zin Ali

JOHOR BAHRU: Polis menahan dua lagi lelaki untuk membantu siasatan kes pembunuhan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tenggaroh, Datuk S Krishnasamy, yang mati ditembak di kepala pada 11 Januari lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata kedua-dua lelaki berusia dalam lingkungan 30-an itu ditahan dalam serbuan operasi khas, Ops Api Tenggaroh, di sebuah rumah di Melaka, kira-kira jam 3 pagi, semalam.

Beliau berkata, pihaknya sudah mendapatkan perintah tahanan reman selama lima hari berakhir Rabu ini mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah (KAJ) ke atas dua lelaki terbabit selepas dibawa ke Mahkamah Majistret, di sini, kira-kira jam 10 pagi.

"Dengan penahanan dua lelaki terbabit, kami kini sudah menahan tiga lelaki, termasuk seorang lelaki yang ditahan di Kluang, Selasa lalu untuk membantu siasatan kes pembunuhan berkenaan.

"Kami berharap orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini dan membiarkan polis menjalankan siasatan tanpa sebarang gangguan," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Mohd Mokhtar yang enggan mengulas lanjut mengenai identiti kedua-dua lelaki yang ditahan di Me-

laka itu mengakui pihaknya berharap dapat menyelesaikan kes berkenaan secepat mungkin seperti yang diharapkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Beliau berkata, pasukan khas yang ditubuhkan untuk menyiasat kes itu sedang bertungkus lumus untuk menyelesaikannya secepat mungkin.

Selasa lalu, polis menahan reman selama tujuh hari seorang lelaki berusia 46 tahun, dipercayai suspek uta-

“ Dengan penahanan dua lelaki terbabit, kami kini sudah menahan tiga lelaki, termasuk seorang lelaki yang ditahan di Kluang, Selasa lalu untuk membantu siasatan kes pembunuhan Krishnasamy”

**Mohd Mokhtar
Mohd Shariff**
Ketua Polis Johor

ma kes pembunuhan Krishnasamy.

Difahamkan, lelaki yang juga Timbalan Pengerusi MIC bahagian Kluang serta pernah menjawat jawatan Ahli Majlis Perbandaran Kluang, ditahan di rumahnya di Kluang, kira-kira jam 12.30 pagi.

Lelaki itu yang bekerja sebagai Koordinator Jualan sebuah akhbar harian Tamil di Kluang, ditahan selepas siasatan terperinci berjaya menemui bukti yang mengaitkannya dengan pembunuhan kejam berkenaan.

Difahamkan sebelum ini, suspek pernah ditahan mengikut Ordinan Darurat ketika menjawat ketua cawangan di Kluang. Ramai musuh politiknya menggunakan isu penahanannya untuk menyingkirkannya tetapi dia kekal dengan jawatan itu hingga kini.

Sebelum ini, polis menahan reman tiga individu, termasuk pembantu peribadi seorang ahli politik MIC Johor berusia 61 tahun bagi membantu siasatan kes pembunuhan Krishnasamy.

Bagaimanapun, lelaki berusia 61 tahun itu bersama pemandu mendiang berusia 30 tahun serta seorang kerani wanita, 36, dibebaskan polis selepas keterangan mereka diambil.

Krishnasamy, 62, yang juga Timbalan Pengerusi MIC Johor ditembak mati dari jarak dekat kira-kira jam 2.30 petang, 11 Januari lalu ketika berada di dalam lif Bangunan MIC negeri Jalan Segget di sini untuk menghadiri mesyuarat parti.



KAWAL KETAT: Anggota polis membawa dua suspek pembunuhan Krishnasamy untuk mendapatkan perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam.